



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49

28hb September 2006

No. 20

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 51.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maslina binti Che Lin @ Halim, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 5 Oktober 2006 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM110,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sepuluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM130,672.75. Nama pemegang gadaian—Bumiputra-Commerce Bank Bhd.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM11,000.00 (Ringgit Malaysia Sebelas Ribu Sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 1 Februari 2007 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kechor. No. Lot/Petak/P.T.—Lot 2248. Jenis dan No. Hakmilik—GM 1628. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 1937/1999 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 8 Ogos 2006
[PTG(Ps.)(R) 1/80F 1162(23)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM
Penolong Pentadbir Tanah
Perlis

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

28hb Sept. 2006]

101

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

No. 52.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Balik Tanah di bawah perenggan 3(1)(c) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 untuk Projek Naik Taraf Jalan Jitra Melalui Kodiang Ke Arau, Perlis Fasa 2 (Pakej 4).

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Mukim—Arau.

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Luas Lot Hektar | Lebih kurang Luas yang hendak Diambil | |
|-----------------------------|-----------------------------|--|--------------------|---|--|
| | | | | Lebih kurang Luas yang hendak Diambil | |
| 665 Lot baru 4312 | GM 1130 | Syed Azimal bin Syed Ibrahim 1/1 bhg. | 0.1494 | 0.0234 | |
| 663 Lot baru 4311 | GM 1128 | Jawatankuasa Zakat & Fitrah Perlis 1/1 bhg. | 0.8881 | 0.0347 | |
| 695 | GM 1148 | Tuan Syed Hamzah Ibni Almarhum Tuan Syed Sofi 1/1 bhg. | 0.0192 | 0.0140 | |
| 683 Lot baru 4310 | GM 1144 | Amnah binti Ismail 4/16 bhg., Ghazali bin Ismail 4/16 bhg., Nazairah binti Hashim 1/16 bhg., Saodah binti Hashim 1/16 bhg., Shobre bin Hashim 1/16 bhg., Wan Azmi bin Wan Noordin 1/4 bhg., Zaidatulnisha binti Zainol 1/32 bhg. dan Zainurizam bin Zainol 1/32 bhg. | 0.3616 | 0.0318 | |
| 4309 Lot baru 8128 | GM 3181 | DYMM Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail | 0.1463 | 0.1001 | |

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

102

[28hb Sept. 2006]

Mukim—Kurong Anai.

| No. Lot | Hakmilik atau Pendudukan | Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Luas Lot | Lebih kurang Luas yang hendak Diambil |
|---------|---|--|----------|---------------------------------------|
| Ukur | | | Hektar | Hektar |
| PT 539 | HS(M) 471 | Abu Bakar bin Awang 8/32 bhg., Admi @ Azemi bin Bakar 6/32 bhg., Ali bin Mat Hussin 6/32 bhg., Latiffa binti Bakar 3/32 bhg., Mohd Yusof @ Zainol bin Abu Bakar 6/32 bhg. dan Salmah binti Bakar 3/32 bhg. | 0.1002 | 0.0349 |
| PT 290 | GM 1068 (Sebahagian drp. Lot 1035) | Tidak dapat dikesan | | 0.0776 |

Bertarikh 9 Ogos 2006

[Bil.(8) dlm. JKPTG/CK(Ps.) (UKB) 855]

MUHAMAD DAUD BIN ABDULL HAMID

Pengarah Tanah dan Galian

Perlis

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR STAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA